



## SIARAN MEDIA

### **UDA DAN YAYASAN WANGSA PERDANA SERAH SUMBANGAN ZAKAT KEPADA 600 INDIVIDU YANG KURANG BERKEMAMPUAN**

*Membantu Golongan Yang Memerlukan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Yang  
Menjelang Tiba*

**Wangsa Maju, 7 Mei** – Saban hari, semakin banyak syarikat korporat yang menyedari akan kepentingan menunaikan tanggungjawab sosial mereka dengan berkongsi sebahagian kecil daripada perolehan bersama golongan yang kurang berkemampuan .

Seumpama acara tradisi setiap tahun, di sinilah saatnya, syarikat-syarikat besar mahupun kecil menunjukkan rasa keprihatinan mereka kepada masyarakat yang memerlukan ini.

UDA Holdings Berhad (UDA) sebagai sebuah organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan di negara ini, yang diterajui oleh Pengerusinya, YBhg. Datuk Seri Dr. Haji Mohd Shafei Abdullah, sekali lagi mengorak langkah dalam menjalankan aktiviti amal dan kebajikannya bagi membantu golongan yang memerlukan dalam menyambut bulan Ramadan yang menjelang tiba tidak lama lagi.

Seramai 600 orang asnaf Program Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia, Sri Kedah dan juga Sri Langkawi telah diraikan dengan pemberian sumbangan wang zakat yang bernilai RM30,000 serta keperluan barangan dapur seperti gula, susu, beras dan lain-lain. Program yang melibatkan kerjasama daripada Yayasan Wangsa Perdana, Majlis Permuafakatan Masjid & Surau Wangsa Maju (MAPEM) dan Majlis Persatuan Penduduk

Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Wangsa Maju ini telah berlangsung dengan jayanya di perkarangan Perumahan Awam Sri Kedah, Wangsa Maju.

Selain dari pemberian sumbangan wang zakat dan juga keperluan asas, program amal ini turut dimeriahkan lagi dengan adanya Pasar Percuma (*Free Market*) di mana golongan yang kurang berkemampuan dapat menikmati barangan keperluan secara percuma yang disumbangkan oleh orang ramai.

Program Pasar Percuma ini memberi ruang dan peluang kepada orang ramai untuk menyumbang barangan berlebihan, wang, pakaian, keperluan dapur dan sebagainya kepada golongan sasaran dan pada masa yang sama mendidik orang ramai untuk menghindari sikap membazir. Barang-barang hasil sumbangan organisasi korporat, sukarelawan mahupun persendirian dikumpulkan oleh pihak penganjur dan orang ramai boleh menyumbang ataupun mengambil barangan tanpa sebarang bayaran. Perkarangan perumahan awam Sri Kedah, Wangsa Maju telah dibanjiri dengan kehadiran lebih kurang 2,000 orang awam untuk turut serta dalam program pada hari itu.

Menurut Datuk Seri Dr. Haji Mohd Shafei Abdullah, merangkap Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju dan juga selaku Pengerusi UDA, "Program kolaborasi strategik di antara UDA, Yayasan Wangsa Perdana, MPPWP dan juga MAPEM merupakan salah satu pendekatan dalam membantu golongan yang memerlukan ekoran dari peningkatan kos sara hidup dewasa kini. Ianya juga adalah selaras dengan hasrat pihak kami untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik".

UDA mengharapkan agar program ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menjalani ibadah pada bulan Ramadan sekaligus menyambut Aidilfitri dengan suasana yang ceria.

**TAMAT**

## MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Norazuana Abdullah (Wana) | [norazuana@udanet.com](mailto:norazuana@udanet.com) | +6019 223 9153
- Nor Akmalia Husaini (Intan) | [akmalia@udanet.com](mailto:akmalia@udanet.com) | +6012 710 1102

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855